

14 MAY 1999

Azhar-Lukisan

PELAYARAN AZHAR DIABADIKAN DALAM BENTUK LUKISAN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Keberanian dan kecekalan Azhar Mansor yang masih ingin meneruskan percubaan belayar mengelilingi dunia secara solo walaupun menghadapi pelbagai cabaran telah diabadikan dalam bentuk lukisan oleh dua pelukis muda negara, iaitu adik beradik Nedzarul Mohd Nawiah, 9, dan Sarwindah, 8.

Tiga buah lukisan berkenaan yang bertemakan "Cabaran Azhar" menggambarkan Azhar sedang melambai-lambaikan tangan dari Jalur Gemilang sambil mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika bermula dari Langkawi, suasana laut yang tenang ketika Azhar memulakan pelayaran dan gambaran ketika beliau dilanda ribut.

Lukisan itu yang dihasilkan menggunakan perisian komputer Photo Shop 3.5 sedang dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara sempena Pameran Jari-Jari Kecil dari 11 hingga 25 Mei ini.

Azhar memulakan pelayaran dari Awana Porto Malai, Langkawi pada 2 Feb lepas untuk mencipta rekod dunia belayar secara solo mengelilingi dunia tanpa henti bagi laluan Barat-Timur dalam tempoh tidak sampai 105 hari.

Bagaimanapun, pada 12 April iaitu selepas 69 hari belayar, tiang layarnya patah dilanda ribut ketika berada 900 batu nautika dari Pulau Falklands. Jalur Gemilang dijangka memulakan semula pelayaran esok dari Falklands selepas tiang layar baru siap dipasang.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed ketika berucap merasmikan pameran berkenaan berkata sebahagian daripada wang hasil jualan lukisan karya pelukis muda terbabit akan disumbangkan kepada Asrama Kasih iaitu sebuah rumah anak yatim yang dikendalikan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK).

Beliau berkata, selain pasangan adik beradik Nedzarul dan Sarwindah, pameran itu juga turut disertai oleh pelukis muda adik-beradik Mohammad Haiqal Noorazari, 8, dan Mohammad Naqiuddin, 7.

"Mohammad Haiqal telah menunjukkan kepekaannya kepada penderitaan pelarian etnik Albania di Kosovo dengan mengabadikan sebuah lukisan menggunakan pastel minyak bertajuk "Kosovo" yang dijual dengan harga RM200,"katanya.

Menurut Suleiman 52 lukisan hasil karya empat pelukis terbabit dijual dengan harga antara RM150 dan RM750 sebuah.

Lukisan karya Nedzarul bertajuk "Ayam Laga" adalah lukisan yang termahal sekali, manakala tiga buah lukisan bertemakan "Cabaran Azhar" adalah untuk pameran sahaja dan tidak akan dijual, katanya.

Beliau berkata kisah tragedi kematian anak dugong, Si Tenang baru-baru ini turut diabadikan dalam sebuah lukisan bertajuk "Dugong/Si Tenang" yang dilukis oleh Nedzarul dan berharga RM300.

Sarwindah telah dipilih mewakili Malaysia dalam pertandingan lukisan tajaan syarikat alat-tulis, Faber Castell Sdn Bhd yang akan diadakan di Nuremberg, Jerman pada bulan depan, katanya.

-- BERNAMA

NY PR